

Nama: _____

Tarikh: _____

Model Soalan FYB® 04 ~ BAHASA MELAYU MPT4

Masa: 1 jam 15 minit

Jumlah markah: 50 markah

Bahagian A: Tatabahasa dan pemahaman petikan

Bahagian B: Pemahaman petikan, tatabahasa serta respons kritis dan kreatif

Bahagian C: Penulisan perenggan, tidak lebih daripada 50 patah perkataan

Bahagian D: Penulisan karangan, antara 80 hingga 100 patah perkataan

BAHAGIAN A [10 markah]

Tatabahasa dan Pemahaman Petikan

Soalan 1 hingga Soalan 5

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Ibu sedang _____ sayur-sayuran untuk dimasak sebagai hidangan makan malam.
A. menghiris B. menjahit C. menyapu D. membalut
2. Ayah membeli tiga _____ tebu di pasar tani.
A. batang B. buah C. utas D. helai
3. Murid-murid beratur dengan _____ sebelum masuk ke makmal komputer.
A. laju B. tertib C. bising D. kasar
4. Adik meletakkan beg sekolahnya _____ kerusi sebelum mencuci tangan.
A. kepada B. daripada C. pada D. tentang
5. Pilih ayat yang menggunakan kata kerja dengan betul.
A. Kakak menyiram pokok bunga pada waktu petang.
B. Abang meminum pinggan itu sehingga bersih.
C. Ibu menggoreng pakaian sekolah di dapur.
D. Burung itu berjalan di dalam sungai.

Baca petikan di bawah, kemudian jawab Soalan 6 hingga Soalan 10.

Pada hari Ahad yang lalu, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bersama-sama guru serta murid telah mengadakan **Program Menanam Pokok** di kawasan sekolah. Program tersebut bermula pada pukul 8.00 pagi. Sebelum aktiviti dimulakan, Guru Besar memberikan taklimat tentang cara menanam pokok dengan betul.

Setiap kumpulan diberikan beberapa anak pokok. Murid-murid menggali lubang, memasukkan anak pokok dan menyiramnya dengan air. Guru-guru turut membantu memastikan semua pokok ditanam dengan kemas.

Selepas program tamat, kawasan sekolah kelihatan lebih hijau, bersih dan nyaman. Semua peserta berasa gembira kerana dapat bekerjasama menjaga alam sekitar.

6. Bilakah Program Menanam Pokok itu diadakan?

- A. Hari Sabtu
- B. Hari Ahad
- C. Hari Jumaat
- D. Hari Isnin

7. Apakah yang dilakukan oleh Guru Besar sebelum aktiviti bermula?

- A. Mengagihkan hadiah
- B. Memberikan taklimat
- C. Menyiram pokok
- D. Membersihkan kawasan sekolah

8. Mengapakah murid-murid menyiram anak pokok?

- A. Untuk membuang tanah
- B. Untuk membantu pokok hidup subur
- C. Untuk membersihkan kawasan sekolah
- D. Untuk mengisi masa lapang

9. Apakah perubahan yang berlaku selepas program tersebut?

- A. Kawasan sekolah menjadi bising.
- B. Kawasan sekolah menjadi lebih hijau, bersih dan nyaman.
- C. Semua murid pulang awal.
- D. Pokok-pokok ditebang.

10. Apakah nilai yang paling jelas diamalkan oleh peserta program?

- A. Keberanian
- B. Kerjasama
- C. Kejujuran
- D. Kesabaran

BAHAGIAN B [10 markah]

Baca Bahan 1 dan Bahan 2, kemudian jawab semua soalan.

Bahan 1



Bahan 2

Pada hari Rabu, Sekolah Kebangsaan Seri Bestari telah mengadakan Program Menanam Pokok. Semua murid Tahun Empat mengambil bahagian dengan penuh semangat.

Mereka membawa cangkul, penyiram air dan sarung tangan. Guru-guru membimbing murid menanam anak pokok mengikut langkah yang betul. Selepas selesai menanam, murid-murid menyiram pokok supaya pokok tersebut dapat hidup dengan subur.

Program itu berjaya menjadikan kawasan sekolah lebih hijau dan nyaman. Murid-murid juga belajar tentang kepentingan menjaga alam sekitar sejak kecil.

11. Nyatakan dua tujuan Program Menanam Pokok.

- i. _____
ii. _____

12. Apakah ganjaran yang diterima oleh setiap peserta program?

13. Perkataan subur dalam Bahan 2 boleh digantikan dengan perkataan

A. layu B. segar C. kering D. mati

14. Guru _____ murid menanam anak pokok dengan betul.

A. membimbing B. membaling C. membungkus D. membasuh

15. Pada pendapat kamu, apakah kepentingan menanam pokok di kawasan sekolah?

BAHAGIAN C [10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan cara-cara menjimatkan penggunaan elektrik di rumah.

Berdasarkan maklumat tersebut, tuliskan pendapat kamu tentang dua cara menjimatkan penggunaan elektrik.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan sahaja.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

JIMAT ELEKTRIK, SELAMATKAN BUMI!

1 Tutup suis lampu dan kipas apabila tidak digunakan.

2 Cabut plag peralatan elektrik selepas digunakan.

3 Gunakan cahaya matahari pada waktu siang.

Jimat tenaga, jimat wang, selamatkan bumi untuk generasi akan datang.

FYB®
Dr. Soo

BAHAGIAN D [20 markah]

Berdasarkan bahan grafik di bawah, tuliskan sebuah karangan yang lengkap. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 80 hingga 100 patah perkataan.

PROGRAM MENANAM POKOK

Hijaukan Sekolah Kita

BERSAMA KITA HIJAUKAN SEKOLAH KITA!

Jaga Alam Sayangi Bumi!

Kecilkan Jejak, Selamatkan Bumi!

FYB®
Dr. Soo

Menanam
Menyiram
Membersih

Pada hari Sabtu yang lalu, _____

Handwriting practice lines consisting of 20 horizontal lines. A large, light gray watermark is visible across the center of the page, featuring the letters 'FYB' and a registered trademark symbol (®).

JAWAPAN - BAHAGIAN A

1.A 2.A 3.B 4.C 5.A 6.B 7.B 8.B 9.B 10.B

BAHAGIAN B

11. i. Menghijaukan kawasan sekolah.

ii. Memupuk sikap cinta akan alam sekitar.

12. Setiap peserta akan menerima sijil penyertaan.

13. B 14.A

15. Kawasan sekolah menjadi lebih hijau dan cantik.

Udara menjadi lebih bersih dan segar.

Mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Memberikan teduhan kepada warga sekolah.

Memupuk sikap mencintai alam sekitar.

(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.)

CONTOH JAWAPAN BAHAGIAN C

Kita dapat menjimatkan penggunaan elektrik dengan menutup suis lampu dan kipas apabila tidak digunakan. Selain itu, kita hendaklah mencabut plag peralatan elektrik selepas digunakan. Amalan ini dapat mengurangkan pembaziran tenaga serta menjimatkan bil elektrik.

CONTOH JAWAPAN BAHAGIAN D

Pada hari Sabtu yang lalu, sekolah saya telah mengadakan Program Menanam Pokok. Semua murid dan guru berkumpul di padang sekolah sebelum aktiviti dimulakan.

Selepas mendengar taklimat daripada guru, kami menanam anak pokok di kawasan yang telah ditetapkan.

Seterusnya, kami menyiram pokok supaya pokok dapat hidup dengan subur. Kami melakukan semua aktiviti secara bekerjasama.

Kawasan sekolah menjadi lebih hijau, bersih dan nyaman. Pada akhir program, saya berasa bangga kerana dapat membantu menjaga alam sekitar bersama rakan-rakan.